

Pembelajaran Kemahiran Bahasa Terhadap Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK): Satu Analisis Keperluan (*Learning Language Skills Towards Chinese Language National Primary School (BCSK): A Need Analysis*)

Chuah Kee Ping^{1*}, Ngoi Guat Peng¹, Foo Ai Peng¹, Wong Wei Lun¹

¹ Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

*Pengarang Koresponden: kping_chuah@yahoo.com.hk

Accepted: 15 March 2022 | Published: 1 April 2022

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2022.4.1.20>

Abstrak: Pembelajaran bahasa dengan berkesan memerlukan murid menguasai kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Oleh itu, analisis keperluan telah dijalankan dalam kajian ini untuk meninjau dan melihat persepsi peserta kajian terhadap pembelajaran Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK). Instrumen yang digunakan ialah Soal Selidik Pembelajaran BCSK (SSP) yang dijawab oleh murid dan Soal Selidik Tahap Kesukaran Pembelajaran Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran BCSK (SSSP) yang dijawab oleh guru. Kaedah tinjauan secara soal selidik ini melibatkan 126 orang murid dan 68 orang guru. Data yang diperolehi dianalisis secara deskriptif dengan menggunakan kekerapan, min dan sisihan piawai. Dapatan kajian soal selidik oleh guru dan murid masing-masing menunjukkan bahawa kemahiran mendengar dan bertutur merupakan kemahiran yang paling sukar dikuasai dalam pembelajaran BCSK. Selain itu, guru dan murid pula berpandangan buku teks BCSK Tahun 4 yang digunakan adalah berada pada tahap kurang memuaskan. Hasil dapatan juga menunjukkan pelbagai masalah yang dihadapi oleh peserta kajian serta memberi cadangan penambahbaikan dalam pembelajaran BCSK. Maka, pembangunan bahan instruksi terhadap kemahiran mendengar dan bertutur dalam pembelajaran BCSK secara teratur dan sistematik adalah amat diperlukan. Justeru, hasil dapatan ini adalah penting dalam merancang dan membangunkan bahan pembelajaran BCSK.

Kata kunci: analisis keperluan, Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan, kemahiran bahasa

Abstract: Effective language acquisition necessitates those learners gain strong listening, speaking, reading and writing skills. Therefore, this study's need analysis was undertaken to survey and examine learners' perspectives of Chinese Language National Primary School (BCSK). Learners completed the BCSK Learning Questionnaire (SSP), while teachers completed the BCSK Curriculum and Assessment Standard Document Learning Difficulty Level Questionnaire (SSSP). One hundred twenty-six learners and 68 teachers were surveyed through a questionnaire. The data were evaluated descriptively with the help of frequency, mean, and standard deviation. According to a questionnaire conducted, the most challenging skills to master in BCSK learning are listening and speaking. Apart from that, instructors and learners agree that the BCSK Year 4 textbook currently being utilised is inadequate. Additionally, the findings address various issues raised by research participants and make recommendations for improving BCSK learning. Thus, learners and instructors must produce instructional materials on listening and speaking skills in BCSK learning in an organised and

systematic manner. As a result, these findings are crucial for planning and developing BCSK instructional materials.

Keywords: need analysis, Chinese Language National Primary School, language skills

1. Pengenalan

Dalam menuju ke era globalisasi, kebolehan untuk berkomunikasi dalam bahasa asing sama ada bahasa kedua atau bahasa ketiga dengan cekap dan lancar merupakan satu kelebihan bagi murid-murid. Oleh demikian, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 agar semua murid dari semua kumpulan etnik dan komuniti digalakkan untuk mempelajari sekurang-kurangnya tiga bahasa bagi membolehkan mereka bekerjasama dan berkomunikasi secara berkesan dengan rakan dalam kalangan rakyat Malaysia dan juga negara jiran dalam dunia global masa kini (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Dalam masyarakat majmuk ini, pergaulan dan komunikasi rakyat juga akan terbatas dalam lingkungan kaumnya sendiri jika mereka hanya menguasai bahasa ibunda masing-masing.

Kini Bahasa Cina mempunyai penutur yang paling banyak di dunia ini. Dalam 15 tahun kebelakangan ini, kepentingan mempelajari Bahasa Cina sebagai bahasa kedua atau bahasa tambahan semakin popular dan menarik perhatian yang semakin meningkat di dalam dan di luar China (Gong, Gao, & Lyu, 2020). Kini, Bahasa Cina mempunyai penutur yang paling banyak di dunia ini (Wang, 2016). Memandangkan pembelajaran Bahasa Cina berkembang pesat, satu kecenderungan untuk mempelajari Bahasa Cina sebagai bahasa kedua atau bahasa tambahan dalam kalangan penduduk di dunia turut meningkat. Oleh itu, berdasarkan perkembangan ini adalah wajar untuk menjalankan kajian yang berkaitan pembelajaran Bahasa Cina.

1.1 Analisis Keperluan dalam Pembelajaran Bahasa

Tujuan analisis keperluan adalah untuk mengenal pasti keperluan pengajaran dan pembelajaran bahasa sasaran untuk merancang kurikulum yang berkesan (Sönmez, 2019). Analisis keperluan dalam proses pendidikan bahasa berkembang dalam ruang lingkup objektif tertentu bergantung pada tujuan penyelidikan. Analisis keperluan juga adalah alat yang kuat untuk menjelaskan dan mengesahkan keperluan sebenar (Akyel & Ozek, 2010). Penyelidik-penyelidik gemar menjalankan analisis keperluan melalui soal selidik, temu ramah, perbincangan, perbincangan, temu ramah telefon atau secara gabungan. Antaranya, soal selidik merupakan instrumen yang paling biasa dan banyak digunakan dalam analisis keperluan.

Objektif analisis keperluan dalam proses penyelidikan adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai tujuan murid mengikuti program pembelajaran berdasarkan maklumat yang dikumpulkan melalui pelbagai sumber, analisis keadaan semasa untuk memberikan maklumat mengenai keberkesanan program mengikut keperluan semasa dan masa depan murid, memperoleh maklumat mengenai gaya pembelajaran atau pembelajaran pilihan untuk kemahiran tertentu, faktor-faktor yang menentukan hubungan peranan antara guru dan murid, akhirnya mendapat maklumat yang berkaitan dengan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (Duddley-Evans & John, 2009).

Duddley-Evans & John (2009) mengklasifikasikan analisis keperluan kepada lima kumpulan, iaitu analisis situasi objektif dan analisis keperluan objektif merangkumi tugas dan aktiviti yang

akan digunakan oleh murid; analisis linguistik memberikan maklumat tentang bahasa dan kemahiran digunakan dalam pembelajaran; analisis keperluan instruksional yang meliputi situasi yang serupa seperti pengalaman pembelajaran sebelumnya; analisis kes yang sesuai untuk mengenal pasti kemahiran dan penggunaan bahasa murid; analisis makna untuk memberi maklumat tentang bagaimana pelajaran akan dilakukan atau persekitaran yang akan dikaji. Manakala, Long (2005) melaksanakan kajian analisis keperluan dengan pelajar universiti yang mengikuti kursus bahasa dan bersedia untuk bekerja sebagai profesional kesihatan. Para penyelidik juga menekankan bahawa analisis keperluan ialah sumber maklumat yang berpotensi dan berharga untuk merancang kurikulum untuk profesional kesihatan berdasarkan keperluan murid.

Selain itu, analisis keperluan adalah penting dari segi penglibatan murid dalam setiap fasa proses pendidikan untuk mengetahui objektif murid, sikap bahasa, dan harapan dari kursus dan tabiat belajar untuk merancang kurikulum yang cekap. Ini selari dengan (Kaur, 2007) yang berpendapat bahawa analisis keperluan dapat mengetahui tentang murid dan keperluan dalam pembelajaran dan pengajaran bahasa kedua. Selain itu, kajian (Mohammad Taufiq Abdul Ghani & Wan Ab Aziz Wan Daud, 2018) juga mendedahkan analisis keperluan adalah penting untuk mengetahui perkembangan murid dalam suatu pembelajaran. Maka, kajian terhadap analisis keperluan dapat membantu dalam meningkatkan pelbagai penglibatan murid dan menjadikannya lebih berorientasi kepada keperluan murid berdasarkan hasil dapatan yang dikutip.

1.2 Fasa Pelaksanaan Analisis Keperluan

Analisis keperluan merupakan sesuatu proses untuk mengetahui pengajaran yang sesuai dilakukan oleh tenaga pengajar supaya pembelajaran bahasa menjadi lebih bermakna (Aliza Ali & Zamri Mahamod, 2015; Duddley-Evans & John, 2009; Kaur, 2007; Mohammad Taufiq Abdul Ghani & Wan Ab Aziz Wan Daud, 2018). Menurut Ruhizan Mohammad Yasin et al. (2018), terdapat empat fasa dalam analisis keperluan iaitu fasa perancangan, fasa pengumpulan data, fasa analisis data dan fasa laporan akhir dalam analisis keperluan. Oleh itu, langkah-langkah tersebut akan dibincangkan secara teliti dalam setiap fasa terhadap pembelajaran BCSK.

Fasa Perancangan: Fasa ini ditujukan kepada kumpulan sasaran yang dikaji. Setelah kumpulan sasaran dikenal pasti, strategi perlu dirancang untuk mengumpul data yang diperlukan. Pengumpulan data dilakukan dengan penyediaan soal selidik dan dijawab oleh peserta kajian. Kumpulan sasaran dalam kajian ini ditujukan kepada murid Tahun 4 dan guru BCSK.

Fasa Pengumpulan Data: Fasa ini dilaksanakan di dalam sekolah kebangsaan yang menawarkan kelas BCSK. Soal selidik dijalankan melalui ketua panitia BCSK dengan kebenaran Guru Besar dan murid-murid yang mempelajari BCSK. Dalam fasa ini, pendekatan pentaksiran keperluan (*need assessment*) dan analisis matlamat digunakan untuk mengenalpasti masalah. Pentaksiran keperluan (*need assessment*) dijalankan untuk mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh peserta kajian dalam pembelajaran BCSK.

Fasa Analisis Data: Tinjauan Soal Selidik SSP telah dilakukan oleh murid untuk menentukan tahap kesukaran bidang pembelajaran dalam Kurikulum BCSK Tahun Empat. Manakala, soal selidik SSSP juga dijawab oleh 68 orang guru BCSK. Min dan sisihan piawai yang dianalisis oleh IBM SPSS 23.0 terhadap kemahiran yang paling sukar dikuasai dalam pengajaran dan

pembelajaran BCSK. Oleh itu, masalah pembelajaran dan pengajaran BCSK yang dihadapi oleh murid dan guru dikenal pasti dalam fasa ini.

Fasa Laporan Akhir: Fasa ini merupakan rumusan kepada tujuan kajian, proses pelaksanaan, keputusan yang didapati dan cadangan untuk penambahbaikan masa depan. Laporan akhir akan dijelaskan dengan lebih lanjut dalam bahagian Perbincangan dan Kesimpulan.

2. Sorotan Literatur

Secara umumnya, terdapat sejumlah sorotan literatur yang menjalankan analisis keperluan demi menggambarkan pembelajaran bahasa. Namun kebanyakan penyelidikan adalah menumpukan kepada pelajar dewasa dan pembelajaran bahasa selain BCSK. Berdasarkan sorotan literatur dan jurang dalam analisis keperluan, kajian ini bertujuan untuk mendapatkan pemahaman yang lebih baik mengenai pembelajaran BCSK oleh murid dan guru di sekolah kebangsaan melalui kaedah pengedaran soal selidik. Oleh demikian, analisis keperluan yang dijalankan terhadap pembelajaran BCSK dapat memberi gambaran yang jelas terhadap kepentingan dalam pengajaran dan pembelajaran BCSK di sekolah.

2.1 Pembelajaran Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan (BCSK)

Standard Kurikulum BCSK Tahun 4 merangkumi mendengar, bertutur, membaca, menulis, aspek seni bahasa, dan aspek tatabahasa. Kesemua ini merupakan aspek-aspek utama yang harus diberi perhatian semasa menjalankan pengajaran dan pembelajaran. Pengajaran kemahiran mendengar dan bertutur mementingkan sebutan bunyi, memahami makna perkataan dan ayat, dan menumpukan perhatian sepenuhnya semasa mendengar dan bertutur. Murid berupaya bercakap dengan jelas, fasih, dan dapat menceritakan atau menerangkan topik yang digunakan dalam kehidupan seharian dengan betul. Murid juga berupaya menggunakan bahasa yang sesuai dengan situasi, berkomunikasi dengan orang, dan mempunyai sikap semula jadi yang sopan semasa berkomunikasi dengan orang lain (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019).

Seterusnya, kemahiran membaca dalam DSKP BCSK Tahun 4 adalah untuk membolehkan murid menguasai asas membaca, memperoleh maklumat melalui membaca, mengembangkan tabiat membaca yang baik. Semasa mengajar kemahiran membaca, guru harus membimbing murid membaca secara berulang kali supaya murid biasa dengan penggunaan kata dan corak ayat serta memupuk perasaan bahasa melalui bacaan (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Murid mengulangi bacaan mengikut guru untuk bacaan yang tepat terhadap BCSK untuk memupuk kemampuan murid membaca sendiri. Di samping itu, guru juga harus membimbing murid untuk mencari perkataan dengan bantuan buku rujukan.

Dalam kemahiran menulis, murid dikehendaki menulis dengan betul, kemas, dan kemas semasa memegang pencil. Setelah murid menguasai sebilangan perkataan, guru boleh memulakan latihan menulis. Perkara utama adalah meminta murid menulis apa yang ingin mereka katakan dan berminat dengan ungkapan bertulis. Keperluan asas menulis adalah untuk melatih murid mempunyai kemampuan untuk membentuk perkataan dan ayat (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2019). Oleh itu, murid tidak harus terburu-buru pada titik permulaan pembelajaran. Murid mesti mempunyai asas tertentu dalam penulisan dan literasi agar dapat mencapai matlamat pengajaran menulis. Setelah menguasai kemampuan menulis perkataan, murid dapat belajar menulis karangan yang lebih mudah.

2.2 Objektif

Pengkaji akan menjalankan analisis keperluan dengan:

- i. memahami situasi pembelajaran BCSK Tahun 4 oleh murid,
- ii. melihat persepsi guru terhadap tahap kesukaran Standard Pembelajaran BCSK Tahun 4.

3. Metodologi

Analisis keperluan yang dijalankan dalam kajian ini adalah berbentuk deskriptif dan reka bentuk yang digunakan dalam kajian ini adalah kajian tinjauan. Kajian tinjauan ini menggunakan soal selidik untuk meneliti sesuatu masalah yang dihadapi oleh guru dan murid dalam merancang sesuatu penambahbaikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, seramai 126 orang murid dan 68 orang guru terlibat dalam analisis keperluan ini. Latar belakang peserta kajian dalam kalangan murid dan guru ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Latar belakang peserta kajian (murid dan guru) dalam analisis keperluan

Kaum	Peserta Kajian (Murid)			Peserta Kajian (Guru)		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Melayu	33	70	103	2	8	10
Cina	3	-	3	15	43	58
India	10	6	16	-	-	-
Lain-lain	1	3	4	-	-	-
Jumlah	47	79	126	17	51	68

Instrumen yang digunakan ialah Soal Selidik Pembelajaran BCSK (SSP) yang dijawab oleh murid dan Soal Selidik Tahap Kesukaran Pembelajaran Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran BCSK (SSSP) yang dijawab oleh guru. SSP yang dijawab oleh murid adalah diadaptasi dari kajian lepas oleh Bhesayanavin, K (2017). Tinjauan ini merangkumi demografi murid, situasi pembelajaran Bahasa Cina, faktor-faktor mempelajari BCSK dan sebagainya. Manakala, SSSP dijawab oleh guru adalah berbentuk skala Likert lima poin, iaitu 1 (Sangat Mudah), 2 (Mudah), 3 (Sederhana), 4 (Sukar) dan 5 (Sangat Sukar). Penganalisaan data akan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for the Social Sciences* (SPSS) versi 23.0. untuk mengetahui dan menggambarkan ciri-ciri peserta kajian dengan berdasarkan peratusan, skor min dan sisihan piawai (Abdul Muqsith Ahmad et al., 2017).

Seterusnya, kesahan dan kebolehpercayaan dijalankan ke atas SSP dan SSSP. Kesahan adalah ciri yang paling penting yang dimiliki oleh ujian atau ukuran. Tanpa kesahan, tafsiran data akan menjadi tidak sesuai atau tidak makna. Manakala, kebolehpercayaan adalah sejauh mana ujian diukur secara konsisten terhadap pengukuran yang mempunyai ciri-ciri kestabilan, konsistensi dan ketepatan (Gay, Mills, & Airasian, 2012). Kesahan terhadap SSP dan SSSP telah dilakukan oleh 3 orang pakar yang berpengalaman dalam bidang pendidikan. Pakar yang terlibat adalah pakar kandungan dan juga pakar bahasa. Nilai pekali *alpha Cronbach* terhadap kebolehpercayaan instrumen kajian yang diperoleh adalah $\alpha = 0.816$. Interpretasi nilai alpha Cronbach ini berpadanan bahawa nilai pekali kebolehpercayaan melebihi 0.8 adalah pada tahap yang baik (Gay et al., 2012) dan boleh diterima.

4. Dapatan Kajian

Analisis data daripada SSP dan SSSP untuk penentuan tahap kesukaran dalam pembelajaran BCSK dalam kalangan guru dan murid di sekolah kebangsaan secara keseluruhan adalah seperti di bawah.

4.1 Soal Selidik Pembelajaran BCSK (SSP)

Peserta kajian yang menjawab SSP terdiri daripada 128 orang murid dari sepuluh buah sekolah kebangsaan di Malaysia. Latar belakang peserta kajian akan dibentangkan dengan dapatan kajian yang berkaitan dengan demografi peserta kajian (Jadual 2).

Jadual 2: Demografi Peserta Kajian (Murid)

Latar Belakang Peserta Kajian	Jumlah	Peratus (%)
Kaum Peserta Kajian		
Melayu	103	81.7
Cina	3	2.4
India	17	13.5
Bumiputera Sarawak	2	1.6
Bumiputera Sabah	-	-
Lain-lain	1	0.8
Pengalaman Mempelajari BCSK		
Tidak Pernah	3	2.4
1 Tahun	3	2.4
2 Tahun	9	7.1
3 Tahun	111	88.1

Jadual 2 menunjukkan demografi peserta kajian berdasarkan latar belakang peribadi. Majoriti peserta kajian ialah kaum Melayu, diikuti dengan kaum India. Majoriti dari aspek pengalaman pembelajaran pula menunjukkan bahawa semua peserta kajian iaitu seramai 111 orang (88.1%) mempelajari BCSK semenjak Tahun 1 di sekolah kebangsaan. Peratusan ini menunjukkan bahawa peserta kajian mempunyai pengalaman mempelajari serta mengikuti kurikulum BCSK yang melebihi tempoh tiga tahun berturut-turut semenjak berada di sekolah kebangsaan. Hanya minoriti peserta kajian yang tidak pernah atau 1 tahun pengalaman mempelajari BCSK. Manakala, Jadual 3 telah menunjukkan dapatan kajian yang diperolehi daripada item-item seperti tahap penguasaan BCSK, tahap kesukaran mempelajari BCSK, masalah pembelajaran BCSK, kemahiran paling sukar dikuasai, kemahiran paling suka dipelajari, pandangan terhadap penggunaan buku teks BCSK Tahun 4, cara belajar Bahasa Cina selain di sekolah, faktor yang mempelajari BCSK dan cadangan penambahbaikan pembelajaran BCSK.

Jadual 3: Persepsi Peserta Kajian terhadap Pembelajaran BCSK

Latar Belakang Peserta Kajian	Jumlah	Peratus (%)
Tahap Penguasaan BCSK		
Permulaan	18	14.3
Sederhana	90	71.4
Mahir dan fasih	13	10.3
Lain-lain	5	4
Tahap Kesukaran Mempelajari BCSK		
Sangat mudah	5	4
Mudah	20	15.9

Sederhana	64	50.8
Sukar	26	20.6
Sangat sukar	11	8.7
Masalah Pembelajaran BCSK		
Tiada buku rujukan	89	70.7
Kekurangan pendedahan terhadap BCSK	10	7.9
Ketidakfahaman pengajaran guru	14	11.1
Lain-lain	12	9.5
Kemahiran Paling Sukar Dikuasai		
Kemahiran mendengar dan bertutur	54	42.9
Kemahiran membaca	27	21.4
Kemahiran menulis	45	35.7
Kemahiran Paling Suka Dipelajari		
Kemahiran mendengar dan bertutur	39	31
Kemahiran membaca	48	38.1
Kemahiran menulis	39	31
Pandangan Terhadap Penggunaan Buku Teks BCSK Tahun 4		
Sangat tidak puas hati	42	33.3
Tidak puas hati	32	25.4
Tiada pandangan	29	23
Puas hati	20	15.9
Sangat puas hati		
Cara Belajar Bahasa Cina selain di Sekolah		
Menonton filem Cina	27	21.4
Menghadiri kelas tuisyen	11	8.7
Belajar daripada ibu bapa dan keluarga	22	17.5
Belajar daripada kawan karib	22	17.5
Lain-lain	44	34.9
Faktor yang Mempelajari BCSK		
Paksaan ibu bapa	10	7.9
Minat	69	54.8
Tujuan kerjaya kelak	9	7.1
Berinteraksi dengan rakan	23	18.3
Lain-lain	15	11.9
Cadangan Penambahbaikan Pembelajaran BCSK		
Perbanyakkan latihan BCSK	42	33.3
Lebih pendedahan terhadap BCSK	21	16.7
Menambahkan pembelajaran secara video dan grafik	31	24.6
Memperkayakan bantu bantu mengajar	26	20.6
Lain-lain	6	4.8

Jadual 3 menunjukkan terdapat 71.4% peserta kajian berasa tahap penguasaan BCSK adalah berada pada tahap sederhana. Kemudian diikuti oleh tahap penguasaan permulaan, mahir dan fasih dan akhirnya lain-lain. Seterusnya, terdapat sebanyak 50.8% peserta kajian beranggapan pembelajaran BCSK adalah tahap sederhana. Sebaliknya, hanya 4% peserta kajian beranggapan pembelajaran BCSK adalah sangat mudah. 20.6% dan 8.7% peserta kajian beranggapan pembelajaran BCSK adalah sukar dan sangat sukar. Terdapat pelbagai masalah yang dihadapi oleh peserta kajian semasa pembelajaran BCSK. Antara masalah-masalah yang timbul adalah seperti tiada buku rujukan BCSK, kekurangan pengetahuan terhadap BCSK,

kekurangan pendedahan kerjaya dalam bidang pembelajaran BCSK, kekurangan bahan bantu mengajar dalam BCSK dan lain-lain. Jadual 5 telah menunjukkan lebih daripada setengah peserta kajian menghadapi masalah dalam kekurangan pengetahuan dalam pembelajaran BCSK dan paling kurang peserta kajian menghadapi masalah dalam kaedah pengajaran guru tidak membantu murid dalam pemahaman BCSK. Masalah-masalah misalnya kekurangan peluang komunikasi antara murid dalam Bahasa Cina, tiada kemahiran untuk mengaplikasi bahasa, masa pembelajaran yang singkat dalam BCSK dan sebagainya juga dihadapi oleh murid dalam ruangan lain-lain.

Jadual 3 juga menunjukkan kemahiran mendengar dan bertutur merupakan kemahiran yang paling sukar dikuasai oleh peserta kajian dan diikuti oleh kemahiran menulis dan kemahiran membaca. Sebanyak 42.9% peserta kajian berasa kemahiran mendengar dan bertutur yang paling sukar dikuasai, 35.7% peserta kajian berasa kemahiran menulis sukar dikuasai dan akhirnya 21.4% peserta kajian berasa kemahiran membaca sukar dikuasai. Sebaliknya, kemahiran yang disukai oleh peserta kajian dalam pembelajaran BCSK ialah kemahiran membaca yang mencatat sebanyak 38.1%. Seterusnya, diikuti oleh kemahiran membaca dan kemahiran mendengar dan bertutur yang disukai oleh peserta kajian yang masing-masing mencatat sebanyak 31%. Di samping itu, menonton filem Cina, menghadiri kelas tuisyen, belajar daripada ibu bapa dan keluarga, belajar daripada kawan karib dan lain-lain merupakan cara pembelajaran Bahasa Cina selain belajar di sekolah. Walau bagaimanapun, sebanyak 29 orang peserta kajian berpuas hati dan 20 orang peserta kajian sangat berpuas hati terhadap buku teks BCSK Tahun 4 yang dibekalkan oleh BPK KPM. Namun demikian, terdapat 42 peserta kajian adalah tidak puas hati dan 3 orang peserta kajian adalah sangat tidak puas hati terhadap buku teks BCSK Tahun 4 yang digunakan sekarang. Seterusnya, kebanyakan peserta kajian (54.8%) memilih minat belajar dan berharap dapat bertutur Bahasa Cina sebagai faktor utama dalam pembelajaran BCSK. Faktor-faktor lain seperti dapat berinteraksi dengan kawan-kawan (18.3%), paksaan ibu bapa (7.9%), tujuan pekerjaan kelak (7.1%) dan lain-lain (11.9%) juga merupakan faktor-faktor yang mendorong murid mempelajari BCSK.

Peserta kajian juga memberikan cadangan penambahbaikan dalam pembelajaran BCSK (Jadual 5). Kebanyakan peserta kajian memberi cadangan supaya memperbanyakkan buku rujukan BCSK, pembelajaran melalui video dan grafik dan memperbanyakkan bahan bantu yang bersesuaian dengan pembelajaran BCSK, iaitu masing-masing mencatat sebanyak 20.6%, 24.6% dan 22.2%. Terdapat 16.7% peserta kajian memberi cadangan supaya memberi pendedahan terhadap pembelajaran BCSK dan 4.8% murid memberi cadangan yang lain. Misalnya, memperbanyakkan ruang untuk berkomunikasi antara guru dan murid serta mempraktikkan Bahasa Cina dalam bentuk drama atau tugasan bagi membiasakan penggunaan ayat dalam penggunaan seharian.

4.2 Soal Selidik Tahap Kesukaran dalam Standard Pembelajaran BCSK (SSSP)

Peserta kajian yang menjawab SSP terdiri daripada 68 orang guru BCSK yang bertugas di sekolah kebangsaan. SSSP diedarkan kepada guru yang mengajar BCSK. Latar belakang peserta kajian akan dibentangkan dengan dapatan kajian yang berkaitan dengan demografi peserta kajian (Jadual 4).

Jadual 4: Demografi Peserta Kajian (Guru)

Latar Belakang Peserta Kajian	Jumlah	Peratus (%)
Jantina		
Lelaki	17	25
Perempuan	51	75
Jawatan		
Penolong Kanan	2	2.9
Guru Akademik	66	97.1
Kelulusan Akademik Tertinggi		
Diploma	1	1.5
Ijazah Sarjana Muda	55	80.9
Ijazah Sarjana	12	17.6
Doktor Falsafah	-	-
Lain-lain	-	-
Kelulusan Ikhtisas Tertinggi		
Sijil Perguruan	2	2.9
Diploma Perguruan	34	50
Sarjana Muda Pendidikan / Perguruan	10	14.7
Diploma Pendidikan Lepas Ijazah	21	30.9
Lain-lain	-	-
Pengalaman Mengajar BCSK		
Tidak pernah mengajar	-	-
Kurang daripada 1 tahun	2	2.9
1 – 4 tahun	20	29.4
5 – 9 tahun	14	20.6
10 tahun ke atas	32	47.1

SSSP dijawab oleh guru adalah berbentuk skala Likert lima poin, iaitu 1 (Sangat Mudah), 2 (Mudah), 3 (Sederhana), 4 (Sukar) dan 5 (Sangat Sukar). Dapatan kajian adalah seperti berikut (Jadual 7):

Jadual 5: Tahap kesukaran Standard Pembelajaran dalam Kurikulum BCSK Tahun Empat

Standard Pembelajaran	N	Min	SP
1.1 Mendengar, memahami kandungan, memberikan respons serta memupuk tabiat mendengar yang baik	68	3.18	.992
1.2 Bertutur untuk menyampaikan maklumat atau topik dalam kehidupan seharian dengan penerangan yang jelas dan lancar	68	3.31	.815
1.3 Berkomunikasi dengan orang lain dalam kehidupan seharian secara bersopan santun	68	3.54	.905
2.1 Mengenali dan membaca aksara Cina dalam buku teks. Murid dapat mengenali bentuk huruf, membaca suaranya dengan tepat, memahami maksud perkataan, dan dapat mengenali makna Cina dengan bantuan buku rujukan.	68	3.31	.885
2.2 Membaca dan memahami bahan bertulis untuk mendapatkan maklumat dan memupuk tabiat membaca yang baik.	68	2.96	.888

3.1	Menulis huruf dengan sebatan dan susunan strok yang betul. Strok dalam perkataan berdasarkan struktur simetri, fon yang kemas dan standard, dan berminat untuk menulis perkataan Cina.	68	2.94	.896
3.2	Berupaya menulis dengan betul. Mampu menyelesaikan tugas menulis dan berminat dengan tulisan Cina.	68	2.94	.731

Berdasarkan Jadual 5, guru mempunyai persepsi yang berlainan tentang tahap kesukaran dalam Standard Pembelajaran BCSK Tahun Empat. Hasil tinjauan persepsi guru-guru terhadap Standard Pembelajaran dalam kemahiran mendengar dan bertutur adalah sukar dipelajari oleh murid. Guru (min=3.54, SP=.905) menganggap 1.1 Mendengar, memahami kandungan, memberikan respons serta memupuk tabiat mendengar yang baik dari kemahiran mendengar dan bertutur adalah antara Standard Pembelajaran yang paling sukar dikuasai dalam standard pembelajaran.

Seterusnya kebanyakan guru (min=3.31, SP=.885) berpersepsi Standard Pembelajaran 1.2 Bertutur untuk menyampaikan maklumat atau topik dalam kehidupan seharian dengan penerangan yang jelas dan lancar dari kemahiran mendengar dan bertutur serta 2.1 Mengenali dan membaca aksara Cina dalam buku teks. Murid dapat mengenali bentuk huruf, membaca suaranya dengan tepat, memahami maksud perkataan, dan dapat mengenali makna Cina dengan bantuan buku rujukan (min=3.31, SP=.885) dari kemahiran membaca adalah masing-masing berada pada tahap yang sukar untuk dijalankan dalam pengajaran dan pembelajaran BCSK juga. Selain itu, guru (min=3.18, SP=.992) mendapati Standard Pembelajaran 1.1 Mendengar, memahami kandungan, memberikan respons serta memupuk tabiat mendengar yang baik merupakan standard yang sukar dikuasai. Kemudian, standard ini diikuti dengan Standard Pembelajaran 2.2 Membaca dan memahami bahan bertulis untuk mendapatkan maklumat dan memupuk tabiat membaca yang baik dari kemahiran membaca yang mempunyai min=2.96, SP=.888.

Namun, analisis deskriptif ini menunjukkan Standard Pembelajaran 3.1 Menulis huruf dengan sebatan dan susunan strok yang betul. Strok dalam perkataan berdasarkan struktur simetri, fon yang kemas dan standard, dan berminat untuk menulis perkataan Cina dan 3.2 Berupaya menulis dengan betul. Mampu menyelesaikan tugas menulis dan berminat dengan tulisan Cina dari kemahiran menulis adalah paling senang dikuasai, iaitu masing-masing mempunyai min=2.94, SP=.896 dan SP=.731.

Secara kesimpulannya, hasil tinjauan SSSP yang dijawab oleh guru BCSK mendedahkan ketiga-tiga Standard Pembelajaran dari kemahiran mendengar dan bertutur adalah pada tahap yang sangat sukar dikuasai oleh murid. Kemahiran membaca merupakan kemahiran yang sederhana untuk dikuasai oleh murid. Selain itu, hasil tinjauan turut mendedahkan persepsi guru BCSK terhadap kemahiran menulis adalah kemahiran yang paling mudah dikuasai oleh murid dalam pembelajaran BCSK.

5. Perbincangan

Masalah senang hilang tumpuan sering dihadapi oleh murid semasa guru menyampaikan isi pelajaran dalam kelas. Ini adalah disebabkan kebanyakan guru mengamalkan satu corak pengajaran tanpa mengira tahap penguasaan yang berbeza antara mereka (Muhanizah Ahmad Mokhtar, 2006). Lama-kelamaan, murid akan kehilangan minat terhadap mata pelajaran yang

diajar oleh guru dalam kelas dan ini akan menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran terputus. Oleh itu, ini selari dengan dapatan kajian SSP yang menunjukkan minat menyumbang majoriti terhadap faktor yang mempelajari BCSK oleh murid Tahun 4.

Dapatan kajian SSP menunjukkan 45 daripada 128 orang murid adalah tidak puas hati dan sangat tidak puas hati terhadap buku teks yang digunakan. Buku teks yang susah difahami oleh murid akan menyebabkan mereka tidak berminat untuk belajar. Namun begitu, dapatan kajian SSP juga mendedahkan 89 daripada 128 orang murid adalah menghadapi masalah kekurangan bahan rujukan dalam pembelajaran BCSK. Oleh itu, modul atau bahan instruksi haruslah dibangunkan bertujuan untuk membantu murid menguasai kemahiran-kemahiran tertentu. Kaviza (2019) pula menjelaskan bahawa pembangunan modul pengajaran dan pembelajaran merupakan sesuatu penambahbaikan dan memfokuskan aspek-aspek penting dalam kandungan pelajaran. Dalam proses pembangunan modul yang berkesan adalah berdasarkan data kajian-kajian empirikal dan penggunaan sumber-sumber bagi memastikan PdP yang berkesan dapat dilaksanakan melalui penggunaan modul di dalam kelas. Oleh itu, modul pengajaran dan pembelajaran BCSK yang dibangunkan membolehkan murid lebih menguasai unit kandungan pelajaran tersebut.

Pembelajaran secara video dan grafik juga tidak harus dipinggirkan semasa pembangunan modul atau bahan instruksi. Ini selari dengan dapatan kajian SSP yang menunjukkan sebanyak 24.6% mengharap buku teks mengandungi unsur-unsur tersebut. Pengaplikasian unsur teknologi maklumat dan komunikasi yang mengandungi video dan grafik dapat meningkatkan pembelajaran murid (Chen & Liu, 2008; Chen, 2016). Pengaplikasian baharu ini dapat meningkatkan akses dan penggunaan kepada bahan pembelajaran dan ini menjadikannya sebagai salah satu bidang penyelidikan yang paling penting seperti yang dinyatakan oleh (Godwin-Jones, 2007). Tambahan pula, dapatan kajian SSP menunjukkan sebanyak 33.3% murid berpandangan latihan haruslah diperbanyakkan dalam sesuatu modul atau bahan instruksi. Modul atau bahan instruksi yang dibangunkan dengan mengambil kira keupayaan murid dari segi kemahiran, penggunaan bahasa, latihan yang pelbagai dan sebagainya dapat membantu dan mempertingkatkan murid dalam pembelajaran Bahasa Cina (Gui & Ji, 2018).

Selain itu, dapatan kajian SSP mendedahkan menunjukkan bahawa murid menghadapi masalah dalam menguasai kemahiran-kemahiran tertentu semasa pembelajaran BCSK. Hasil dapatan SSP dan SSSP juga menyokong bahawa kemahiran mendengar dan bertutur merupakan kemahiran yang paling sukar dikuasai antara ketiga-tiga kemahiran. Namun, kemahiran mendengar (Barona-Oñate, López-Pérez, López López, & Mocha-Bonilla, 2020) dan kemahiran bertutur (Ku Fatahiyah Ku Azizan, Hairun Najuwah Jamali, & Awatif Abdul Rahman, 2014; Moradi & Talebi, 2014; Zao, 2003) merupakan asas yang penting dalam proses pembelajaran bahasa tambahan. Justeru, murid tidak menumpukan perhatian isi pelajaran yang disampaikan oleh guru dalam kelas sekiranya tidak berupaya menguasai kemahiran mendengar dan bertutur dengan baik. Jadi, intervensi diperlukan untuk membantu murid menguasai kemahiran-kemahiran tersebut, terutamanya kemahiran mendengar dan bertutur yang dianggap paling sukar oleh murid.

6. Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, dapatan kajian ini mendedahkan terdapat suatu keperluan untuk membangunkan bahan instruksi terhadap kemahiran mendengar dan bertutur sebagai rujukan untuk mata pelajaran BCSK. Hasil penyelidikan Xu (2012) dan Zhang (2015) masing-masing menunjukkan murid lebih melibatkan diri dalam pembelajaran kelas sekiranya bahan instruksi

yang dihasilkan mendekati dengan keperluan murid. Ini juga selari dengan Aliza Ali & Zamri Mahamod (2015) bahawa kajian analisis keperluan adalah penting dalam menentukan bahan instruksi yang sesuai dihasilkan untuk guru supaya permasalahan sedia ada dapat diselesaikan demi pengajaran yang lebih berkesan. Yao (2010) juga mencadangkan kandungan bahan instruksi yang dibangun mesti relevan dengan pengalaman hidup seseorang murid untuk menggambarkan sifat dan realiti tempatan. Justeru, bahan instruksi yang dibangun berdasarkan analisis keperluan haruslah memahami pembelajaran yang diinginkan oleh seseorang murid agar dapat membantu guru dalam pengajarannya (Roshidah Hassan, 2017) dan meningkatkan prestasi murid dalam pembelajaran. Akhirnya, diharapkan kajian ini dapat memberi suatu gambaran awal tentang keperluan dari guru dan murid tentang pembelajaran BCSK.

Rujukan

- Abdul Muqstith Ahmad, Zaharah Hussin, Maisarah A Malik, Farazila Yusof, & Mohd Ridhuan Mohd Jamil. (2017). Masalah etika dan akhlak pelajar kemahiran kejuruteraan: analisis keperluan. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 5(2), 34–45.
- Akyel, A. S., & Ozek, Y. (2010). A language needs analysis research at an English medium university in Turkey. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 2(2), 969–975.
- Aliza Ali, & Zamri Mahamod. (2015). Analisis keperluan terhadap pengguna sasaran modul pendekatan berasaskan bermain bagi pengajaran dan pembelajaran kemahiran bahasa kanak-kanak prasekolah. *JuKu: Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*, 3(1), 1–8.
- Barona-Oñate, R. V., López-Pérez, S. A., López López, J. P., & Mocha-Bonilla, J. A. (2020). Advances in Intelligent Systems and Computing. In Jyrki Nummenmaa, F. Pérez-González, B. Domenech-Lega, J. Vaunat, & F. O. Fernández-Peña (Eds.), *1st International Conference on Computer Science, Electronics and Industrial Engineering, CSEI 2019* (pp. 83–98).
- Bhesayanavin, K. (2017). *A study of Chinese teaching and learning motivation of Bansomdej Chaopraya Rajabhat University*. Guangxi University of China.
- Chai, C. S. (2007). *Penggunaan preposisi bahasa Cina di kalangan pelajar Melayu: Satu analisis kontrastif dan analisis kesilapan*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Chang, S. Y., & Liu, Y. (2016). From problem-orientedness to goal-orientedness: Re-conceptualizing communication strategies as forms of intra-mental and inter-mental mediation. *System*, 61, 43–54.
- Chen, H. Y., & Liu, K. Y. (2008). Web-based synchronized multimedia lecture system design for teaching/learning Chinese as second language. *Computers and Education*, 50, 693–702.
- Chen, Y. (2016). Error analysis of typing and teaching strategies in reading Chinese characters—teaching of Chinese characters based on the intelligent-electronic products on zero phase. *Chinese Language Learning*, 2(1), 84–94.
- Chuah, K. P., Ngoi, G. P., & Afiqah Sabariah Khalidar. (2020). Meningkatkan penguasaan sebutan bahasa Cina dalam kalangan pelajar bukan penutur jati di sekolah kebangsaan. *Muallim Journal of Social Science and Humanities*, 4(3), 79–89.
- Corder, S. P. (1981). *Error Analysis and Interlanguage*. Oxford: Oxford University Press.
- Duddley-Evans, T., & John, M. St. (2009). *Development in English for specific purposes: a multidisciplinary approach*. Cambridge: CUP.
- Dulay, H. C., & Burt, M. K. (1974). London dan New York: Longman. In J. C. Richards (Ed.), *You Can't Learn Without Goofing* (pp. 95–123). London dan New York: Longman.
- Feng, J., Gong, T., Shuai, L., & Wu, Y. (2019). No morphological markers, no problem: ERP study reveals semantic contribution to distinct neural substrates between noun and verb

- processing in online sentence comprehension. *Frontiers in Neuroscience*, 13(957), 1–15.
- Gay, L. R., Mills, G. E., & Airasian, P. W. (2012). *Educational research: competencies for analysis and applications* (10th Editi). New York: Pearson.
- Godwin-Jones, R. (2007). Digital video update: YouTube, Flash, High-Definition. *Language Learning & Technology*, 11(1), 16–21.
- Gong, Y., Gao, X., & Lyu, B. (2020). Teaching Chinese as a second or foreign language to non-Chinese learners in mainland China (2014–2018). *Language Teaching*, 53, 44–62.
- Gong, Y., Guo, Q. J., Li, M., Lai, C., & Wang, C. (2021). Developing literacy or focusing on interaction: New Zealand students' strategic efforts related to Chinese language learning during study abroad in China. *System*, 1–21.
- Gui, J., & Ji, W. (2018). Adapting Teaching Materials for POA Use. *Chinese Teaching in the World*, 32(4), 546–554.
- Hsu, H. L. (2017). An Interaction Between the Effects of Bilingualism and Cross-linguistic Similarity in Balanced and Unbalanced Bilingual Adults' L2 Mandarin Word-Reading Production. *J Psycholinguist Res* (2017), 46, 935–962.
- Jiang, X., & Cohen, A. D. (2018). Learner strategies for dealing with pronunciation issues in Mandarin. *System*, 76, 25–37.
- Kaur, S. (2007). ESP course design: matching learner needs to aims. *English for Specific Purposes*, 6(1), 25–37.
- Kaviza, M. (2019). Analisis keperluan terhadap pembangunan modul aktiviti pengajaran dan pembelajaran Sejarah berasaskan penggunaan sumber-sumber. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 16(6), 1–11.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2012). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM)*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *KSSR: Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Cina Sekolah Kebangsaan Tahun Empat*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ku Fatahiyah Ku Azizan, Hairun Najuwah Jamali, & Awatif Abdul Rahman. (2014). Kaedah pengajaran dan pembelajaran kemahiran mendengar dan bertutur Bahasa Arab di IPT Malaysia. *Journal of Sultan Alaudin Sulaiman Shah*, 1, 1–14.
- Li, X. X., & Chu, S. K. W. (2018). Using design-based research methodology to develop a pedagogy for teaching and learning of Chinese writing with wiki among Chinese upper primary school students. *Computers & Education*, 126, 359–375.
- Long, M. H. (2005). Methodological issues in learner needs analysis. In M. H. Long (Ed.), *Second Language Needs Analysis* (pp. 19–79).
- Mohammad Taufiq Abdul Ghani, & Wan Ab Aziz Wan Daud. (2018). Bahasa Arab untuk pendidikan awal kanak-kanak: satu kajian analisis keperluan. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak*, 7, 70–82.
- Mohd. Majid Konting. (2000). *Kaedah penyelidikan pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Nasir Mohamed Hasbullah. (2001). *Analisis kesilapan sebutan Bahasa Al-Quran di kalangan pelajar sekolah menengah*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Moradi, Z., & Talebi, S. H. (2014). The effect of pre-speaking strategies instruction in strategic planning on Iranian EFL students' awareness as well as students' fluency and lexical resources in speaking. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 98(3), 1224–1231.
- Muhanizah Ahmad Mokhtar. (2006). *Keberkesanan modul multimedia interaktif dalam meningkatkan kefahaman pelajar sekolah menengah terhadap topik pembahagian sel*. (Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia.
- Roshidah Hassan. (2017). Gaya dan strategi pembelajaran Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar Perancis. *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 17(1), 125–146.

- Ruhizan Mohammad Yasin, Latifah Amin, & Kok, K. H. (2018). Pembangunan modul interdisiplin BTEM dengan model reka bentuk instruksional Morrison, Ross, Kalman & Kemp. In Muhammad Fariduddin Bin Wajdi Anthony, Zahiroh Binti Awang, & Saerah Binti Shuib (Eds.), *Contemporary Postgraduate Discourse : Enriching Research Quality* (pp. 1–183).
- Sönmez, H. (2019). An examination of needs analysis research in the language education process. *International Journal of Education and Literacy Studies*, 7(1), 8–17.
- Su, Y. (Esther), Naigles, L. R., & Su, L. Y. (2018). Uneven Expressive Language Development in Mandarin-Exposed Preschool Children with ASD: Comparing Vocabulary, Grammar, and the Decontextualized Use of Language via the PCIDI-Toddler Form. *Journal of Autism and Developmental Disorders*, 48(10), 3432–3448.
- Wang, Q., Guo, W., Chen, P., & Song, Y. (2018). Tibetan-Mandarin bilingual speech recognition based on end-to-end framework. *Proceedings - 9th Asia-Pacific Signal and Information Processing Association Annual Summit and Conference, APSIPA ASC 2017*. Institute of Electrical and Electronics Engineers Inc.
- Wang, R. X. (2016). The direction of training of local Mandarin teachers in Malaysia. *Malaysian Journal of Humanities and Social Sciences*, 5(2), 117–124.
- Xu, J. J. (2012). *On the multimedia-based primary Chinese listening teaching*. (Tesis Kedoktoran yang tidak diterbitkan). Shanghai Normal Teaching University, China.
- Yao, Z. D. (2010). The design of teaching Chinese materials for non-conventional students. *Journal of International Chinese Studies*, 1(1), 1–5.
- Zao, F. (2003). Analisis kesilapan sebutan pelajar Korea dalam belajar Cina. *ZhiShi WenKu*, 20, 77.
- Zhang, L. (2015). On the design and contents of the exercises in the Chinese Visual- audio-oral textbooks in the perspective of the post method theory. *Jurnal Yunnan Normal Universiti (Pengajaran Dan Pengajaran Bahasa Cina)*, 13(4), 28–41.